

Headline	Nilai eksport industri halal RM8.9 trilion		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	07 Oct 2011	Color	Full Color
Section	Bisnes	Circulation	324,097
Page No	74	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	113 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,249
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,748



Nilai eksport industri halal RM8.9 trilion

KEMENTERIAN Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) optimis dengan kemampuan industri halal tempatan yang dilihat berpotensi dibawa ke peringkat lebih jauh apabila sejumlah RM8.9 trilion (AS\$2.77 trilion) nilai eksport global dicatatkan setiap tahun.

Timbalan Menteri, Datuk Mukhriz Mahathir (*gambar*) berkata, Malaysia yang mempunyai kekuatan dalam industri mendapat perhatian dari negara luar, sekali gus membantu menjaga ekonomi negara apabila terdapat suntikan pelaburan dilaksanakan.

“Ini dapat dilihat apabila negara luar mempercayai status halal yang dikeluarkan Malaysia dan ada antaranya meminta logo halal terbabit untuk digunakan di dalam negara mereka sendiri.

“Kesedaran mengenai produk halal di peringkat antarabangsa juga memberangsangkan kadar eksport negara kerana Malaysia ialah negara yang giat menjalankan pelbagai kajian mengenainya,” katanya merasmikan Simposium Kewangan Islam dan



Perniagaan serta Karnival Halal 2011 di Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam, Selangor.

Katanya, dari segi kewangan Islam, orang ramai tanpa mengira status agama mempercayai kebaikannya apabila setiap tahun berlaku peningkatan peratusan golongan bukan Islam yang berurusan dalam Perbankan Islam.

“Sistem kewangan Islam dilihat sebagai alternatif bagi orang ramai selain sistem konvensional kerana ia lebih banyak memberi kesan positif kepada pengguna di seluruh dunia tanpa mengira anutan agama,” katanya.